



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**KPKT TERUS PERKASAKAN AGENDA PEMILIKAN PERUMAHAN MENERUSI
KARNIVAL JOM BELI RUMAH WILAYAH UTARA DI KEPALA BATAS,
PULAU PINANG**



Pada 23 September 2022 – YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Perasmian Karnival Jom Beli Rumah Wilayah Utara bersempena siri Jelajah Home Ownership Programme (HOPE) di Dataran Dewan Millenium, Kepala Batas, Pulau Pinang pada pagi ini.

Karnival yang berlangsung selama tiga (3) hari bermula 23 hingga 25 September 2022 ini merupakan kesinambungan kepada pelancaran utamanya yang telah disempurnakan YAB Perdana Menteri pada 15 Julai 2022 lalu di Kuala Lumpur. Ia dijangka dapat menarik lebih 15 ribu pengunjung melalui penganjuran karnival ini.

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican berkata, “sepanjang tiga hari ini, para pengunjung akan dapat melihat pelbagai promosi pemilikan perumahan daripada para pemaju serta institusi pembiayaan yang menawarkan lebih 92 ribu unit rumah yang belum dijual di seluruh Wilayah Utara. Beliau turut menambah bahawa ia juga merupakan komitmen 1,253 keseluruhan pemaju yang berada di Wilayah Utara berdasarkan data yang dikemaskini sehingga 31 Julai 2022”.



Lebih 5,200 unit kediaman yang terdiri daripada Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM), Kediaman SPNB, PR1MA dan Rumah Mesra Rakyat Keluarga Malaysia telah ditawarkan di Pulau Pinang yang merupakan lokasi jelajah pertama sebelum bergerak ke Pantai Timur,

Selatan, Sarawak dan Sabah. Ia merupakan salah satu inisiatif kementerian untuk meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat selari dengan hasrat kerajaan untuk memastikan matlamat **SATU KELUARGA, SATURUMAH** tercapai. Selain itu, fokus utama agenda HOPE adalah pemilikan rumah dalam kalangan golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana khususnya kumpulan B40 dan M40.

Karnival Jom Beli Rumah di Wilayah Utara ini menyediakan sebanyak 45 reruai (pempamer) dengan penyertaan 23 pemaaju perumahan berkaliber seperti Bertam Properties Sdn. Bhd., SP Setia Berhad, OIB Group, Aspen Group, Oriental Kedah Realty, EcoWorld Property dan pelbagai lagi. Institusi-institusi kewangan yang menawarkan pembiayaan turut mengambil bahagian seperti Bank Muamalat Malaysia Berhad, MBSB Bank Berhad, Bank Simpanan Nasional di samping agensi-agensi perumahan di bawah Kerajaan Persekutuan dan Lembaga Perumahan Negeri.

Melalui karnival ini, bakal pembeli rumah pertama yang menetap atau merancang untuk tinggal di negeri Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis boleh memanfaatkan insentif dan tawaran yang telah diumumkan oleh kerajaan sebelum ini untuk memiliki kediaman yang diidamkan iaitu melalui Inisiatif Pemilikan Perumahan Malaysia (i-Miliki) dan Inisiatif Pembiayaan Perumahan Malaysia (i-Biaya). Di bawah i-Miliki, bakal pembeli rumah pertama yang berjaya menyempurnakan Perjanjian Jual Beli (PJB) dalam tempoh 1 Jun 2022 sehingga 31 Disember 2023 akan diberikan insentif pengecualian duti setem ke atas Surat Cara Pindah Milik Harta Tanah dan Perjanjian Pinjaman secara peringkat atau tier seperti berikut:

- i. 100% pengecualian duti setem untuk pembelian rumah pertama bernilai RM500,000 dan ke bawah; dan
- ii. 50% pengecualian duti setem untuk pembelian rumah pertama bernilai RM500,001 sehingga RM1 juta.

Di bawah i-Biaya pula, bakal pembeli rumah pertama terutama pekerja-pekerja dalam sektor ekonomi gig dan bebas serta peniaga dan usahawan kecil yang tidak mempunyai dokumen pendapatan atau slip gaji boleh memohon pembiayaan perumahan melalui inisiatif Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP), Skim Rumah Pertamaku (SRP) dan Skim Rent-To-Own (RTO) PR1MA.

Melalui agenda HOPE, kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan terus komited untuk menyediakan perumahan yang berkualiti, selesa serta mampu milik kepada seluruh rakyat Malaysia. Sokongan dan dokongan semua pihak yang terlibat dalam sektor perumahan sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, institusi kewangan dan pemain industri amat diperlukan bagi memastikan matlamat penyediaan 500,000 unit rumah mampu milik seperti ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) tercapai.

Karnival ini tidak hanya memfokuskan kepada pameran dan jualan harta tanah sahaja. Pengunjung juga boleh mendapatkan pelbagai produk makanan tempatan yang dijual di reruai usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang bernaung di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Selain itu, pelbagai acara dan aktiviti yang telah diatur sepanjang tiga hari karnival ini berlangsung diharap dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh orang ramai yang hadir.

KPKT akan terus memfokuskan kepada matlamat menyediakan perumahan yang selesa untuk Keluarga Malaysia yang menjadi agenda utama KPKT dalam merealisasikan matlamat Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) melalui gagasan YB Menteri iaitu “Malaysia Berdaya Huni atau Liveable Malaysia”. Ia selari dengan aspirasi dan keprihatinan kerajaan dalam mewujudkan perumahan yang mampu milik dan kondusif untuk rakyat.